

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN [SUBANG]

TARIKH : 8 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 17

TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pendirian Kementerian tentang penggunaan plastik mikrobar yang dijumpai dalam produk kosmetik dan produk penjagaan diri yang dijual di Malaysia. Adakah penggunaan mikrobeads akan dilarang sama seperti tindakan negara Taiwan, Kanada dan United Kingdom.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Mikroplastik atau juga dikenali sebagai *plastic microbeads* dalam produk kosmetik digunakan secara bilas (*rinse off*) bertujuan untuk membersihkan atau menyental (*exfoliate*). Contoh-contoh produk adalah seperti ubat gigi, gel mandian, syampu dan pencuci muka. Selain itu, mikroplastik juga digunakan di dalam industri-industri lain seperti tekstil, cat dan tayar kenderaan.

Penggunaan mikroplastik di dalam produk kosmetik tidak mendatangkan kesan mudarat terhadap kesihatan manusia. Walau bagaimanapun, penggunaannya dikhuatiri boleh menyumbang kepada pencemaran sumber air dan seterusnya akan memberi kesan terhadap keselamatan hidupan laut dan ekosistem yang terlibat. Ini kerana mikroplastik terdiri daripada bahan polimer sintetik yang tidak terurai secara semulajadi. Akan tetapi, data daripada *United Nations Environment Programme (UNEP)* pada tahun 2016 menunjukkan kadar pencemaran yang berpunca daripada penggunaan mikroplastik dalam produk kosmetik didapati sangat rendah iaitu 0.1 – 1.5% berbanding dengan penyumbang utama terhadap pencemaran alam sekitar dengan mikroplastik yang digunakan dalam produk lain seperti pembungkus plastik, penapis rokok, tayar atau fabrik sintetik. Negara seperti Taiwan, Kanada dan United Kingdom telah melarang penggunaan mikroplastik kerana risiko pencemaran kepada alam sekitar.

Walaupun impak terhadap pencemaran alam sekitar yang disebabkan oleh mikroplastik dalam kosmetik adalah kecil, Kementerian Kesihatan Malaysia akan turut memberi sokongan dan memainkan peranan dalam usaha-usaha pengurangan penggunaan plastik yang sedang dijalankan pada masa ini melalui inisiatif ke arah pelaksanaan kawalan penggunaan mikroplastik dalam produk kosmetik.

Sekian, terima kasih.